



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


15 JULAI 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **370 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **73,506 kes**. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di daerah Keningau dan satu (1) kes lagi di Semporna. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 230 menjadikan jumlah kumulatif 70,413 orang. Seramai 2,226 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 417 orang di hospital, 1,709 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 100 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 53 orang dan 12 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tambunan berubah dari zon kuning ke zon hijau, Kunak berubah dari zon jingga ke zon kuning, Semporna dari zon merah ke zon jingga, Telupid dari zon hijau ke zon kuning manakala Sipitang berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 15 daerah
- Zon Jingga empat (4) daerah
- Zon Kuning enam (6) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

Jumlah kes positif Covid-19 Sabah pada hari ini ialah **370** kes iaitu peningkatan 84 kes berbanding 286 kes semalam (14 Julai 2021).

ii. **Kedudukan berdasarkan daerah dan perbandingan kes Positif COVID-19 semalam**

a. **Daerah yang mencatatkan peningkatan kes**

11 daerah yang mencatatkan peningkatan kes berbanding semalam (14 Julai 2021) iaitu:

- Kota Kinabalu 113 kes, peningkatan (+61) kes
- Tawau 55 kes, peningkatan (+23) kes
- Kota Belud 23 kes, peningkatan (+19) kes
- Penampang 29 kes, peningkatan (+15) kes
- Kudat 29 kes, peningkatan (+12) kes
- Pitas sembilan (9) kes, peningkatan (+8) kes
- Putatan 11 kes, peningkatan (+8) kes
- Sipitang 23 kes, peningkatan (+6) kes
- Telupid dua (2) kes, peningkatan (+2) kes
- Kinabatangan empat (4) kes, peningkatan (+1) kes
- Semporna dua (2) kes, peningkatan (+1) kes

b. **Daerah yang kekal catatan mencatatkan kes sama**

Satu (1) daerah yang mencatatkan kes baharu sebagaimana semalam (14 Julai 2021) iaitu:

- Kuala Penyu satu (1) kes

c. Daerah yang mencatatkan penurunan kes

10 daerah yang mencatatkan penurunan kes berbanding semalam (14 Julai 2021) iaitu:

- Beaufort 15 kes, penurunan (-19) kes
- Lahad Datu sifar (0) kes, penurunan (-12) kes
- Papar 11 kes, penurunan (-10) kes
- Kota Marudu satu (1) kes, penurunan (-6) kes
- Ranau dua (2) kes, penurunan (-6) kes
- Tuaran 10 kes, penurunan (-6) kes
- Sandakan 21 kes, penurunan (-4) kes
- Keningau sembilan (9) kes, penurunan (-4) kes
- Beluran sifar (0) kes, penurunan (-3) kes
- Kalabakan sifar (0) kes, penurunan (-2) kes

d. Daerah yang mencatatkan Sifar (0) kes

Lapan (8) daerah yang mencatatkan sifar (0) kes pada hari ini iaitu:

- Beluran
- Lahad Datu
- Kunak
- Kalabakan
- Tongod
- Tenom
- Nabawan
- Tambunan

- iii. Setakat ini, daerah Zon Hijau hanya tinggal dua (2) daerah dan dengan jumlah catatan sebanyak (148) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

iv. **Punca mempengaruhi bilangan kes COVID-19 hari ini**

Bilangan kes positif COVID-19 ini diperolehi melalui saringan berikut:

- 148 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- 115 kes adalah daripada Saringan Kluster
- 21 kes adalah daripada Saringan Bergejala
- 36 kes daripada Saringan Bersasar
- 50 kes adalah daripada Saringan Lain-lain kes.

a) **Daerah Kota Kinabalu (113) kes berpunca daripada:**

- Saringan Kluster (60) kes daripada tiga (3) kluster iaitu Kluster Tembok Kota Kinabalu (49) kes, Kluster Agora Borneo lima (5) kes dan Kluster Jalan Kayu Madang enam (6) kes.
- 17 kes adalah daripada Saringan Kontak Rapat
- Lapan (8) kes adalah daripada Saringan Bergejala
- 24 kes daripada Saringan Bersasar
- Empat (4) kes kes daripada Saringan Lain-lain kes

b) **Daerah Tawau (55) kes berpunca daripada:**

- 10 kes daripada Kluster Serudung Baru
- Enam (6) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Tiga (3) kes daripada Saringan Bersasar
- 35 kes daripada Saringan Lain-lain kes

c) **Daerah Kudat (29) kes berpunca daripada:**

- 26 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

d) **Daerah Penampang (29) kes berpunca daripada:**

- 13 kes daripada Kluster Siasai Dundau
- 13 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

e) **Daerah Kota Belud (23) kes berpunca daripada:**

- Enam (6) kes daripada Kluster Siasai Dundau
- 17 kes daripada Saringan Kontak Rapat

f) **Daerah Sipitang (23) kes berpunca daripada:**

- 21 kes daripada Saringan Kluster Kampung Melamam
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala

g) **Daerah Sandakan (21) kes berpunca daripada:**

- Sembilan (9) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala
- Sembilan (9) kes daripada Saringan Bersasar
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

h) **Daerah Beaufort (15) kes berpunca daripada:**

- Empat (4) kes daripada Kluster Kota Klias
- Sembilan (9) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Bergejala

i) **Daerah Papar (11) kes berpunca daripada:**

- 10 kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

j) Daerah Putatan (11) kes berpunca daripada:

- 11 kes daripada Saringan Kontak Rapat

k) Daerah Tuaran (10) kes berpunca daripada:

- Sembilan (9) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

l) Daerah Keningau sembilan (9) kes berpunca daripada:

- Sembilan (9) kes daripada Saringan Kontak Rapat

m) Daerah Pitas sembilan (9) kes berpunca daripada:

- Satu (1) kes daripada Saringan Kluster Tanjung Pitas
- Lapan (8) kes daripada Saringan Kontak Rapat

n) Daerah Kinabatangan empat (4) kes berpunca daripada:

- Dua (2) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

o) Daerah Ranau dua (2) kes berpunca daripada:

- Satu (1) kes daripada Saringan Kontak Rapat
- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala

p) Daerah Semporna dua (2) kes berpunca daripada:

- Satu (1) kes daripada Saringan Bergejala
- Satu (1) kes daripada Saringan Lain-lain kes

q) Daerah Telupid dua (2) kes berpunca daripada:

- Dua (2) kes daripada Saringan Lain-lain kes

r) **Daerah Kota Marudu satu (1) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes kes daripada Saringan Kontak Rapat

s) **Daerah Kuala Penyu satu (1) kes berpunca daripada:**

- Satu (1) kes kes daripada Saringan Lain-lain kes

v. Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **satu (1) kluster baharu** direkodkan hari ini.

Kluster Kota Klias - Beaufort melibatkan penularan jangkitan dalam komuniti yang majoritinya adalah keluarga dan pelanggan teksi sapu di beberapa lokaliti sekitar Mukim Kota Klias. Kluster ini dikesan apabila kes indeks iaitu pengusaha teksi sapu, lelaki, 69, disahkan positif ujian RTK-Ag (grading 100%) di Hospital Beaufort pada 03 Julai 2021 dalam saringan kemasukan wad. Kes juga mula mengalami gejala demam dan batuk sejak 01 Julai 2021. Daripada 71 kontak yang disaring, kluster ini merekodkan kadar positif sebanyak 60.5 % dengan jumlah kumulatif 44 kes termasuk empat (4) kes baharu pada hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,358 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,322 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 330 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 51.08%.

B FAKTOR YANG MEMPENGARUHI JUMLAH KES POSITIF TINGGI COVID-19 NEGERI SABAH

- 1 Sejumlah (370) kes direkodkan di Sabah pada hari ini.
- 2 Terdapat beberapa daerah yang merekodkan peningkatan agak tinggi melalui pelbagai saringan oleh KKM iaitu Kota Kinabalu 113 kes (+61), Tawau 55 kes (+23), Penampang 29 kes (+15), Kudat 29 kes (+12), Kota Belud 23 kes (+19) dan Sipitang 23 kes (+6).
- 3 Selain itu, sebanyak (148) kes atau 40% berpunca daripada Saringan Kontak Rapat, (115) kes atau 31% daripada Saringan Kluster dan bakinya adalah daripada lain-lain saringan.
- 4 Sebanyak (85) kes adalah saringan melibatkan tahanan dengan (49) kes adalah daripada Kluster Tembok Kota Kinabalu (Penjara Kepayan) dan (36) kes lagi adalah daripada saringan kesihatan yang dilakukan terhadap tahanan dalam siasatan polis iaitu (35) kes di Tawau dan satu (1) kes di Kota Kinabalu

C PELAKSANAAN PKPD BARU

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Tarikh Tamat PKPD
1.	Kampung Perpaduan Gumpa, Kudat, Sabah	17 Julai 2021	30 Julai 2021
2.	Perumahan Sabah Forest Industry (SFI), Sipitang, Sabah	17 Julai 2021	30 Julai 2021
3.	Penjara Tawau & Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau, Sabah	17 Julai 2021	30 Julai 2021

D PELANJUTAN PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Tamat PKPD	Cadangan
1.	Taman Jaya Diri, Kota Kinabalu, Sabah	16 Julai 2021	Dilanjutkan berkuatkuasa 17 Julai – 30 Julai 2021

E PENAMATAN PKPD

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	2 Lokaliti di Tawau, Sabah: <ul style="list-style-type: none">• Kampung Mangga, Nasip Kita• Kampung Kijang, Balung	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
2.	Kampung Lingkodon, KotaBelud, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
3.	Kampung Pintas Kubu, Beaufort, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
4.	Kampung Muhibbah, Putatan, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021
5.	Kampung Goshen, KotaMarudu, Sabah	3 Julai 2021	Ditamatkan pada 16 Julai 2021

F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **385** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 65,246 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **15** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 57,196 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **9,662** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 379,458 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula, **9,039** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 273,248 orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah **6,753** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak **958,826** (Mysejahtera **877,403**: Laman Web **81,135**: Talian Vaksinasi **288**) bersamaan **34.8%**

G BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **324,460** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 122 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 31,876 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 92 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 26 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 12 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - Empat (4) Orang : Membawa Penumpang Berlebihan
 - Tujuh (7) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis

- Dua (2) orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
- Satu (1) : Premis Gagal Menyediakan laluan Keluar Masuk

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 99 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 40 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat .
- 4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,063 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
 - ii Tiada kompaun dan notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - iii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 95 premis perniagaan dan 107 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 323 Premis Perniagaan melibatkan 194 anggota APM. Sebanyak 13 Notis Amaran dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 85 anggota di 113 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan 10 buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 114 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 149 hebahan di seluruh Sabah.

I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **96%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	96.5%
2	Kunak	96.5%
3	Kinabatangan	96.5%
4	Tenom	96.5%
5	Sipitang	96.5%
6	Keningau	96.5%
7	Ranau	96.5%
8	Beluran	96.5%
9	Papar	96%
10	Beaufort	96%
11	Tuaran	96%
12	Kota Marudu	96%
13	Penampang	96%
14	Tawau	96%
15	Lahad Datu	95.5%
16	Sandakan	95.5%
17	Kota Belud	95%
18	Kota Kinabalu	95%
19	Kudat	95%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**